

Perlaksanaan Tulisan Jawi Dalam Sistem Pendidikan Malaysia

Oleh
Dato' Mohd. Mokhtar Shafii

Abstract

The Jawi script or rather writing which is basically Arabic in origin has accorded the Malay Language (Bahasa Melayu) as the Language of Islam in the recent past. Only of late due to Westernization and secularization of education, the Jawi writing has been continuously sidelined from the Muslim educational system. This caused a great concern within the Muslim ummah and efforts have been afforded to restore its rightful position. This article attempts to provide some practical steps which could be taken by the Ministry of Education in effecting a positive implementation within the school curricula. The present writer contends that aside from the role played by the ministry, general populace, both the public and private sectors should also play their part in promoting the Jawi writing in their day-to-day transactions. Perhaps a more effective move could be taken by the newly formed a non-government association known as PENJAWIM, an acronym for Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Malaysia (Association of the Jawi Script Enthusiasts) whose formation is charged with the task of soliciting ways and means to ensure and promote the Jawi script-writing is once again accorded its rightful status in the Islamic learning tradition among the ummah.

Pendahuluan

Dari segi sejarah tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam memertabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu alam Melayu sejak kedatangan Islam di rantau ini pada abad ke 13. Di zaman keagungan Islam di Alam Melayu pada abad ke 17 dan 18, banyak karya hasil penulisan para ilmuan tempatan seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin dan sebagainya menulis karya mereka dalam tulisan Jawi. Cuma apabila kuasa-kuasa Barat datang mulai abad ke 18 dan 19 baharulah tulisan Jawi mulai terpinggir kesan daripada pengaruh sistem pendidikan Barat. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, usaha-usaha untuk mengembalikan tulisan Jawi telah dimulakan. Namun perlaksanaannya masih jauh daripada yang diharapkan. Baru-baru ini ada usaha gigih untuk mengembalikan statusnya kepada yang sewajarnya.

Semua pihak dalam masyarakat kita dan umat Islam seluruhnya perlu prihatin terhadap kedudukan tulisan Jawi. Oleh yang demikian sangatlah wajar kita perhatikan sungguh-sungguh tentang perlaksanaan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan di negara kita. Ini menyentoh beberapa aspek dari segi pelajaran dan pendidikan, perlaksanaan dan penghayatan serta membuktikan kecintaan kita kepada tulisan Jawi. Adalah lebih penting bagi kita memikirkan bagaimana tulisan Jawi

dapat diberi tempat dan kedudukan yang sewajarnya. Kita perlu memertabatkan semula tulisan Jawi kerana ia bukan sahaja sebagai suatu kemahiran, tetapi juga sebagai ilmu dan dengan tulisan Jawi dapat kita memperkayakan khazanah ilmu yang sedia ada dalam diri kita.

Kecintaan kita kepada tulisan Jawi memang jelas dan nyata, tidak perlu dipertikaikan lagi. Sebagai seorang warganegara Malaysia yang merdeka dan berdaulat, kita pasti ingin mempertahankan jati diri dan identiti bangsa yang bermaruah. Sebagai seorang Melayu, kita tentu ingin melihat umat Melayu yang terdiri lebih daripada 200 juta manusia itu di Nusantara menjadi bangsa yang besar, bukan hanya pada bilangan tetapi juga pada kualiti, mempunyai prinsip dan keperibadian yang jelas. Sebagai seorang Islam, tidak syak lagi kita ingin mendekatkan diri kepada sumber ajaran Islam iaitu al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah. Begitu juga kita ingin tergolong dalam golongan umat Islam secara lebih bermakna kerana kita sedar bahawa umat Islam telah membina satu tamadun besar dan kita tidak ada pilihan melainkan hidup sebagai seorang Islam. Semua keinginan itu akan tercapai dengan menghayati tulisan Jawi. Jika tidak secara beransur-ansur kita akan kehilangan identiti dan maruah, akan kehilangan prinsip dan keperibadian dan akan terjauh daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

*Mengamalkan:
Jawi & Islam*

Penggunaan tulisan Jawi bagi masyarakat umum.

Jika kita meneliti, kita dapati masyarakat Malaysia hari ini tidak banyak menggunakan tulisan Jawi. Bahan-bahan yang dicetak dalam tulisan Jawi begitu kurang. Ini antara sebabnya ialah kebanyakan dari kita kurang mahir membaca Jawi. Biasanya buku-buku, bahan maklumat, bahan bacaan dan lain-lain dicetak dalam tulisan Rumi, hanya sedikit sekali yang dicetak dalam tulisan Jawi. Ada pula yang dicetak dalam dua versi iaitu Jawi dan Rumi.

Umumnya masyarakat kita lebih suka dan merasa selesa menulis dan membaca Rumi. Sepatutnya orang Melayu lebih berminat untuk menggunakan tulisan Jawi dalam pembacaan dan penulisan, tetapi hal yang berlaku tidak begitu. Mereka lebih banyak menggunakan tulisan Rumi, malah sesetengahnya lebih suka menggunakan bahasa Inggeris. Kadang-kadang bercampur-campur bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris sehingga contohnya dalam drama televisyen yang begitu ketara.

Tulisan Jawi Di Peringkat Persekolahan

i) Pra Sekolah

Tulisan Jawi diajar kepada kanak-kanak Melayu secara yang mudah dan asas bagi mengenal huruf Jawi alif, ba, ta ...

ii) Di Peringkat Sekolah Rendah

Tulisan Jawi diajar melalui pelajaran pendidikan Islam tetapi tidak diberi tumpuan khusus memandangkan guru-guru agama terpaksa memberi keutamaan dari segi ilmu yang perlu diselesaikan. Mereka tidak mempunyai waktu untuk mengajar tulisan Jawi, yang dilakukan hanya secara tidak langsung. Oleh itu kesannya tidak begitu memuaskan. Bagi murid-murid sekolah rendah yang mengikuti pengajian agama Islam di sekolah agama atau pengajian al-Qur'an dan fardu Ain dapat kesempatan yang lebih bagi mempelajari tulisan Jawi. Murid-murid yang tiada kesempatan demikian telah tercicir.

iii) Di Peringkat Sekolah Menengah

Di sekolah menengah rendah dan tinggi, murid-murid tidak belajar tulisan Jawi, hanya bergantung kepada kemahiran di peringkat sekolah rendah. Mereka sepatutnya mengikuti pengajian pendidikan Islam dalam bahasa Melayu tulisan Jawi kerana buku teks rasmi ditulis dalam tulisan Jawi. Tetapi oleh kerana mereka tidak mahir atau kurang mahir atau tidak berminat, mereka beralih kepada buku-buku pendidikan Islam dalam tulisan Rumi. Di peringkat ini, murid-murid sekolah menengah kebangsaan dan sealiran dengannya tidak mahir dalam tulisan Jawi. Sementara itu di sekolah-sekolah menengah agama kebangsaan (kerajaan), pencapaian kemahiran dalam tulisan Jawi adalah lebih baik, dan ia lebih baik lagi di sekolah menengah agama rakyat (tradisional).

iv) Di Peringkat Pengajian Tinggi

Di peringkat ini penggunaan tulisan Jawi agak terbatas. Ia hanya dipelajari secara tidak langsung melalui pengajian Islam dan bahasa Arab.

Selain daripada itu tulisan Jawi dipelajari di pusat-pusat pengajian tinggi kerana:

- Melahirkan guru-guru bahasa Melayu yang berminat dan kemampuan mengajar tulisan Jawi seperti di setengah-setengah maktab perguruan dan dalam program diploma pendidikan universiti-universiti: contohnya MPSI UPM pada satu masa dahulu.
- Sebagai satu pengajian tentang struktur dan sistem dalam bahasa Melayu.
- Sebagai seni khat atau kaligrafi Melayu.
- Sebagai cabang kesenian Islam

Boleh dikatakan tidak ada keselarasan pembelajaran dan penggunaan tulisan Jawi di peringkat persekolahan.

Penggunaan Tulisan Jawi Di Jabatan-Jabatan Kerajaan

Penggunaannya tidak meluas, tiada kakitangan yang berkemampuan, tiada kesungguhan dalam menggunakannya dan hanya sedikit sebanyak digunakan di jabatan-jabatan agama. Akhir-akhir ini Bank Negara telah mencetak wang kertas dengan memasukkan tulisan Jawi.

Keperluan Dalam Perjuangan Tulisan Jawi

Keperluan perjuangan kita dalam tulisan Jawi ini ialah untuk mengangkat martabat dan kedudukannya sebagai tulisan yang status dan fungsinya sama dengan kedudukan tulisan Rumi. Kita mesti berusaha ke arah ini jika kita ingin melihat tulisan Jawi berdaulat kembali.

Usaha kita hendaklah dilakukan bersungguh-sungguh dengan mengumpulkan serta menyatukan tenaga penulis, pengguna dan peminat tulisan Jawi di seluruh negara.

Kita mesti mencari jalan dan menyusun strategi bagi menggalak dan mengembangkan penggunaan tulisan Jawi dalam segala urusan surat menyurat dan kehidupan harian. Dalam hal ini perlu diadakan pertemuan-pertemuan dalam bentuk dialog, perbincangan, bengkel dan lain-lain dengan pihak yang difikirkan dapat membantu bagi mencapai matlamat tersebut.

Pusat-pusat latihan dan sistem pengajaran tulisan Jawi perlu diwujudkan bagi mengembangkan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan. Ini sudah tentu memerlukan belanja yang banyak. Walau bagaimanapun ia boleh dilakukan dengan kerjasama pihak-pihak yang mampu dan berminat.

Kemahiran tulisan Jawi perlu dimanfaatkan oleh sesiapa yang berminat terutama ahli-ahli Penjawim. Dengan itu mereka dapat menambah ilmu dan mengembangkan ilmu pengetahuan kerana banyak sekali khazanah ilmu yang tersimpan dalam tulisan Jawi. Orang yang tidak pandai membaca atau menulis Jawi kehilangan hampir separuh daripada sumber ilmu selain daripada kesukaran mengenal bahasa Arab dan al-Qur'an.

Kita mesti berusaha mengadakan berbagai-bagai program bagi menimbulkan minat masyarakat kepada tulisan Jawi. Dari minat ini harus ditambah lagi usaha timbul dan meningkatkan rasa cinta kepadanya.

Peranan Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Nasional (Penjawim)

Dari segi penggunaan dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan tulisan Jawi, satu panel pakar perunding perlu dibentuk. Ia adalah terdiri daripada ahli bahasa/sastera dan pakar-pakar dalam tulisan dan khat Jawi. Di samping itu penyelidikan yang berkaitan dengan kepentingan kemajuan dalam usaha mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi juga perlu diadakan. Kegiatan-kegiatan perlu melibatkan

agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi dan orang-orang perseorangan.

Secara yang lebih khusus, kita ingin penjawatan dapat menjadi wadah yang dapat menyatu-padukan semua golongan yang berminat kepada tulisan Jawi. Begitu juga diharapkan Penjawim dapat memainkan peranan mereka dan menghilangkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang berkecimpung dalam tulisan Jawi kerana perbezaan pendapat dan kaedah ejaan yang dianuti. Penjawim hendaklah diberi kepercayaan dalam mengharmonikan perasaan tiap-tiap orang atau golongan yang berpegang kepada kaedah tertentu supaya dapat memahami antara satu sama lain dan membuat keputusan bersama. Oleh itu kita perlu bersikap patriotik dan meneruskan kerja berdasarkan perkara-perkara yang boleh dipersetujui.

Sebenarnya dalam sejarah perkembangan tulisan Jawi, kita mempunyai cara-cara menulis dan kaedah-kaedah bacaan yang perlu kita kaji dan perbaiki supaya tulisan Jawi dihormati dan disayangi. Kita perlu memikirkan cadangan-cadangan yang membina.

Tanggungjawab

Beberapa pendapat, pandangan dan cadangan telah dikemukakan untuk menjadi tanggungjawab beberapa pihak.

i) Penjawim

- Mengkaji dan menyusun semula bidang tugas dan keanggotaan bagi tujuan pemantapan pelaksanaan dan tindakan.
- Mengkaji semua resolusi seminar dan persidangan tulisan Jawi yang telah diadakan bagi tujuan mengambil tindakan yang perlu terhadapnya.

ii) Semua pihak iaitu jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, sektor swasta dan orang-orang perseorangan yang mempunyai kepentingan dengan pembangunan tulisan Jawi hendaklah merangka strategi yang berkesan untuk menerima dan melaksanakan penggunaan tulisan Jawi sebagai warisan budaya yang boleh diterapkan ke dalam semua ilmu, disiplin, kemahiran pekerjaan dan profesion supaya ia boleh diterima dan diamalkan oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

iii) Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah segera menerbitkan pedoman ejaan Jawi yang lengkap dengan mengambil kira pandangan-pandangan dari semua pihak.

iv) Kementerian Pendidikan hendaklah merancang dan melaksanakan program penggunaan tulisan Jawi yang lebih berkesan di sekolah, maktab, institusi dan pusat-pusat pengajian tinggi.

- v) Badan-badan berkanun dan sektor-sektor swasta termasuk bank, syarikat, badan korporat, media penerbitan dan lain-lain hendaklah menambahkan penggunaan tulisan Jawi dalam urusan seharian khususnya dalam papan tanda, surat-menyurat dan bahan penerbitan.
- vi) Syarikat-syarikat penerbitan bahan bercetak seperti Utusan Melayu, New Straits Times, Berita Publishing dan lain-lain hendaklah memainkan peranan lebih aktif dan berkesan dari segi penggunaan tulisan Jawi dalam penerbitan media masing-masing.
- vii) Sebuah institut penyelidikan dan pembangunan bahasa Melayu hendaklah ditubuhkan dengan diberi tanggungjawab terhadap perkembangan bahasa Melayu termasuk tulisan Jawi dan dilengkapi dengan segala kemudahan moden.
- viii) Kertas soalan bahasa Melayu hendaklah disediakan soalan dalam tulisan Jawi seperti memprosa sajak. Jika seorang pelajar ingin lulus dalam bahasa Melayu, mereka mesti belajar Jawi.
- ix) Disyorkan supaya dibuat pelan tindakan bagi melaksanakan tulisan Jawi dengan menentukan aspek-aspek yang boleh diJawikan seperti borang-borang penting, surat pekeliling dan surat-surat rasmi dari Pusat Islam, Jabatan Agama Islam, IKIM dan seumpamanya.

Tanggungjawab dan Responsibiliti bagi Pelaksanaan Tulisan Jawi dalam Bidang Pendidikan

Dalam pelaksanaan tulisan Jawi, pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan kurikulum untuk guru dan ia terserah kepada pihak guru yang berkemampuan untuk menyediakan bahan kepada murid.

1. Selaras dengan itu dicadangkan pihak Kementerian Pendidikan dapat menyediakan buku teks khas pelajaran Jawi serta buku-buku latihan, buku kerja dan buku-buku bacaan dalam tulisan Jawi sebagai bahan sokongan dalam latihan atau pengukuhan pelajaran Jawi.
2. Bahan-bahan kurikulum dianggap dokumen rasmi guru-guru dalam melaksanakan sesuatu pelajaran. Menurut kajian terdapat ramai guru tidak mempunyai dokumen lengkap (termasuk pelajaran Jawi) untuk dijadikan panduan mengajar. Hal ini adalah membimbangkan kerana ia menunjukkan kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum baru sekolah rendah.

Adalah dicadangkan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri atau pun Jemaah Nazir memastikan semua guru memiliki dokumen-dokumen kurikulum yang perlu untuk panduan mengajar. Dicapangkan pihak Kementerian Pendidikan / Dewan Bahasa dan Pustaka membekalkan buku pedoman ejaan Jawi yang disempurnakan dan buku daftar ejaan Jawi di semua sekolah rendah sebagai bahan sokongan.

3. Kajian menunjukkan masih ramai guru pelajaran Jawi diperlukan. Oleh itu dicadangkan supaya bahagian pendidikan guru menjadikan pelajaran Jawi sebagai satu komponen penting dalam kurikulum pendidikan guru.

Pelajaran Jawi juga perlu dijadikan komponen utama dalam kursus Pendidikan Islam dan bahasa Melayu serta digalakkan kepada seramai yang mungkin guru-guru pelatih maktab perguruan. Selain daripada hanya memberi pendedahan tentang pelajaran Jawi di maktab, teknik-teknik mengajar Jawi perlu diperkembangkan bagi membolehkan lebih ramai guru pelatih menguasai Jawi.

4. Adalah dicadangkan latihan dalam pelajaran Jawi perlu diadakan bagi semua guru termasuk guru sandaran (yang didapati ramai) di sekolah-sekolah rendah, jika guru sandaran masih diperlukan. Latihan-latihan yang diwajibkan itu boleh dilakukan samada di peringkat sekolah-sekolah, maktab-maktab atau di mana-mana institusi Kementerian Pendidikan yang berkemampuan menjalankannya. Ini akan menambahkan keberkesanan pelajaran Jawi di sekolah-sekolah.
5. Pengajaran Jawi selama 30 minit seminggu bermula di tahun satu semenjak 1991. Pada masa ini murid tahun satu mempelajari Pendidikan Islam dalam tulisan Rumi dan murid tahun dua mempelajari Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi. Oleh kerana pelajaran Jawi dan mata pelajaran Pendidikan Islam berkait rapat dan kajian menunjukkan kebanyakan guru pelajaran Jawi adalah terdiri dari guru Pendidikan Islam, dengan ini dicadangkan seluruh mata pelajaran Pendidikan Islam diajarkan dalam tulisan Jawi dari tahun satu hingga enam. Ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi penguasaan murid dalam bacaan dan tulisan Jawi, dan masa belajar perlu ditambah.
6. Dalam aspek latihan guru, disyorkan agar pihak-pihak yang tertentu mengambil perhatian kaedah pengajaran dan pembelajaran Jawi supaya objektif dan strategi pengajaran Jawi diselaraskan di mana objektif tulisan Jawi ialah membaca dan menulis dan bukan seperti mengajar bahasa Melayu.

7. Tulisan Jawi malap kerana tidak ada nilai ekonomi. Oleh itu adalah dicadangkan tulisan Jawi disertakan dengan bahasa Melayu supaya mempunyai nilai ekonomi seperti mengalihkan ejaan Jawi ke Rumi dan Rumi ke Jawi dengan memberi markah bonus umpamanya.

Kesimpulan

Tugas berat ini tidak hanya dipikul oleh Penjawim, tetapi sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama, khususnya kaum pendidik, perancang pendidikan negara, pemimpin-pemimpin, pembuat dasar, ketua-ketua jabatan, media massa dan sesiapa sahaja yang terlibat dengan aktiviti mendidik masyarakat. Dengan adanya kerjasama semua pihak, insya Allah tugas besar ini akan menjadi mudah untuk direalisasikan.

Rujukan

- Abdul Halim Nasir, *Ukiran Kayu Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.
- Ahmad Juhari Moain, "Sejarah Tulisan Jawi", *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur, 1996.
- Al-Attas, Syed M. Naquib, *Preliminary Statement on a General Theory of Islamization of the Malay Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur, 1969.
- Al-Attas, Syed M. Naquib, *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970.
- Al-Attas, Syed M. Naquib, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, 1972.
- Al-Attas, Syed M. Naquib, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the Awaid al Nasafi*, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
- Othman Mohd. Yatim, *Batu Aceh Early Islamic Gravestone in Peninsular Malaysia*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1988.
- Othman Mohd. Yatim, *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Othman Mohd. Yatim, "Tulisan Jawi Dalam Seni Rupa Melayu di Alam Melayu: Satu Tinjauan Sejarah dalam *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Bil. 10 h. 15-23, 1997a.
- Padilah Haji Ali, "Nasib Tulisan Jawi", dalam *Dewan Budaya Kuala Lumpur*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Robyn Maxwell, "Faith, Hope and Charity: The Use of Calligraphic Motifs in Southeast Asia Textiles", *Asian Textiles Heritage*, collected papers from Regional Workshop - Seminar and Exhibition of Textiles of Asia; a Common Heritage, Cheng Mai University, Thailand, h. 1, 1992.